



Perangkaan Stok Modal 2024

STOK MODAL KASAR

Pelaburan terkumpul ditolak dengan nilai aset terkumpul yang tidak lagi beroperasi (iaitu telah bersara).

RM5.8 trilion
(2023: RM5.6 trilion)  **3.6%**
(2023: 3.0%)

STOK MODAL PRODUKTIF

Nilai kasar aset bagi aset yang berbeza usianya kerana perbezaan kecekapan aset-aset tersebut.

RM4.8 trilion
(2023: RM4.6 trilion)  **3.8%**
(2023: 3.0%)

STOK MODAL BERSIH

Pelaburan terkumpul ditolak dengan nilai aset yang telah bersara dan susut nilai terkumpul bagi aset yang masih beroperasi.

RM3.6 trilion
(2023: RM3.5 trilion)  **3.8%**
(2023: 2.9%)

 Perubahan peratusan tahunan (%)

Stok Modal Bersih mengikut jenis aset

Struktur¹

RM2,907.4 bilion
(2023: RM2,802.0 bilion)

 **81.1%**
(2023: 81.1%)

Jentera & peralatan²

RM399.1 bilion
(2023: RM2,802.0 bilion)

 **11.1%**
(2023: 10.9%)

Aset lain³

RM280.6 bilion
(2023: RM276.6 bilion)

 **7.8%**
(2023: 8.0%)


¹Terdiri daripada kediaman, bukan kediaman dan struktur lain seperti jalan raya, jambatan dan lain-lain.

²Terdiri daripada peralatan pengangkutan, komputer, jentera & peralatan lain dan lain-lain.

³Terdiri daripada ternakan, tanaman modal, penyelidikan & pembangunan dan lain-lain.

 Komposisi kepada jumlah Stok Modal Bersih (%)


Stok Modal Bersih mengikut jenis aktiviti ekonomi dan jenis aset



Nota: Nilai pada harga malar 2015

Sumber: Akaun Negara, Perangkaan Stok Modal 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Prestasi Stok Modal Bersih (SMB), 2021-2024



Malaysia mengukuhkan kedudukan ekonomi dengan aset tetap bernilai RM5.8 trilion pada tahun 2024

- Stok Modal Bersih (SMB) menunjukkan jumlah aset modal negara mencatatkan nilai RM3.6 trilion pada tahun 2024.
- SMB terus berkembang sebanyak 3.8 peratus (2023: 2.9%) pada tahun 2024, didorong oleh sektor Perkhidmatan dengan pertumbuhan 4.5 peratus (2023: 3.5%), diikuti oleh sektor Pembuatan yang meningkat kepada 4.8 peratus (2023: 3.2%).
- Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada SMB, merangkumi 69.5 peratus (RM2.5 trilion). Sumbangan SMB bagi sektor Perkhidmatan didorong oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (33.7%) dan Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (19.2%). Sementara itu, subsektor Utiliti menyumbang 11.1 peratus.
- Sektor Pembuatan menyumbang 11.9 peratus kepada jumlah SMB dengan nilai RM427.7 bilion. SMB bagi sektor Pembuatan didorong oleh subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik (36.3%) dengan pertumbuhan 5.0 peratus (2023: 3.3%). Ini diikuti oleh subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (33.0%) yang bertumbuh 4.9 peratus (2023: 2.9%). Sementara itu, subsektor Makanan, minuman & tembakau menyumbang 11.5 peratus kepada SMB bagi sektor Pembuatan dengan pertumbuhan 8.1 peratus (2023: 7.0%) pada tahun 2024.
- Struktur menyumbang sebahagian besar SMB iaitu 81.1 peratus, dengan pertumbuhan 3.8 peratus daripada 3.1 peratus pada tahun sebelumnya. Seterusnya, Jentera & peralatan menyumbang 11.1 peratus dan bertumbuh sebanyak 5.7 peratus berbanding 2.7 peratus pada 2023. Manakala, Aset lain menyumbang 7.8 peratus dengan pertumbuhan sebanyak 1.5 peratus (2023: 1.0%) pada tahun 2024.

